

Muhyiddin lawat Kota Tinggi

PM mahu sistem perparitan, saluran sekitar bandar dinaik taraf

Oleh Mohamed Farid Noh dan Nurul Amanina Suhaini
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin meluangkan masa kira-kira sejam melawat mangsa banjir di dua pusat pemindahan sementara (PPS), di sini, semalam.

Muhyiddin tiba di PPS Kolej Vokasional Kota Tinggi pada jam 12 tengah hari diiringi Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad dan Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Halimah Mohamed Sadique, yang juga Menteri Perpaduan Negara.

Muhyiddin mendengar taklimat banjir disampaikan Pegawai Daerah Kota Tinggi, Farizal Ismail, sebelum melawat mangsa banjir yang ditempatkan di dewan kolej berkenaan.

Beliau turut menghulur sumbangan bakul makanan kepada mangsa di dewan kolej berkenaan, selain bertanya khabar dan meminta mereka bersabar terhadap musibah yang melanda.

Perdana Menteri kemudian meninjau mangsa banjir di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Laksamana Kota Tinggi.

PPS di Kolej Vokasional Kota

Tinggi yang mula dibuka sejak kelmarin menempatkan 126 mangsa banjir membabitkan 28 keluarga dari Taman Kota Jaya, dekat sini, manakala PPS di SK Laksamana pula menempatkan 156 mangsa banjir membabitkan 35 keluarga dari Taman Aman, Batu 25 dan Taman Mawai.

Sementara itu, mangsa banjir, Fazila Hamdan, 29, berterima kasih dengan keprihatinan Perdana Menteri yang sudi meninjau mangsa banjir di Kota Tinggi.

Beliau yang mengandung enam bulan ditempatkan di situ bersama suaminya, Shahabuddin Sakiman, 34, dan tiga anak perempuan berusia antara tiga hingga tujuh tahun.

“Alhamdulillah, Perdana Menteri sudi bertanya khabar keluarga saya. Beliau meminta keluarga saya bersabar terhadap musibah ini,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri meminta sistem perparitan dan saluran khususnya di kawasan bandar dinaikkan taraf, selain menjalankan kajian bagi mengatasi kekerapan banjir yang berlaku di daerah ini.

Perkara itu disampaikan Muhyiddin kepada Halimah ketika lawatan ke lokasi penempatan



Muhyiddin diiringi Hasni menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir pada lawatannya ke PPS di Dewan Kolej Vokasional Kota Tinggi, semalam.

(Foto BERNAMA)

mangsa banjir di PPS SK Laksamana.

Halimah berkata, banjir pernah berlaku pada 2006 atau 2007 bagi tempoh sebulan setengah sehingga menyebabkan Kota Tinggi lumpuh.

“Kita sudah ada pengalaman bagi tempoh itu. Selepas 14 tahun, berulang kembali pada tahun ini. Saya berharap pihak pengurusan pentadbiran kerajaan negeri termasuk jabatan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dapat membuat perancangan segera untuk naik taraf sistem per-

paritan dan saluran dalam kawasan bandar serta luar bandar, selain kajian yang mungkin perlu dijalankan.

“Dulu, ada kajian yang dijalankan untuk selesaikan soal banjir yang air termenung di kawasan bandar.

“Kita dapat lihat Perdana Menteri pun sudah memaklumkan kepada Menteri Besar supaya tindakan segera diambil untuk bantu permulaan aktiviti ekonomi dalam kawasan bandar,” katanya ketika ditemui selepas lawatan berkenaan.